



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN
DALAM PTV

KOD MATA PELAJARAN : MBE 2263

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI
BAHAGIAN A DENGAN
MENGUNAKAN BORANG OMR
DAN JAWAB **DUA** SOALAN DI
BAHAGIAN B. KERTAS SOALAN
HENDAKLAH DIKEMBALIKAN
BERSAMA-SAMA KERTAS
JAWAPAN

NAMA : _____

NO. MATRIK : _____

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 MUKA SURAT

- S1 _____ dikenali sebagai bapa pengurusan saintifik.
- A Frank Gilbreth
 - B Henry L. Gantt
 - C Frederick Taylor
 - D Frank Windsor Taylor
- S2 Menurut Steven R. Covey, tabiat utama manusia yang berkesan adalah seperti berikut kecuali
- A Jadilah proaktif.
 - B Keyakinan yang kuat.
 - C Buat perkara pertama dahulu.
 - D Mula dengan mengingat matlamat.
- S3 Di dalam pengurusan saintifik, tumpuan dan perhatian banyak diberikan kepada
- A masa.
 - B pekerja.
 - C majikan.
 - D produktiviti.
- S4 Kebaikan Prinsip Pengurusan Fayol ialah
- A pekerja adalah satu sumber yang tidak berharga dan mudah didapati.
 - B pemusatan kuasa dan autoriti pada peringkat atasan sesuatu organisasi.
 - C mengutamakan kepentingan pekerja secara individu dalam meletakkan matlamat keseluruhan organisasi.
 - D pembahagian kerja adalah untuk menghasilkan kerja yang lebih banyak dan baik setimpal dengan usaha yang diberikan.
- S5 Jika pengurusan saintifik menekankan kepada usaha-usaha untuk meminimumkan kos operasional dengan melaksanakan prinsip-prinsip pengurusan saintifik, pengurusan pentadbiran pula menumpukan perhatian kepada
- A menambahkan masa pekerjaan untuk mempertingkatkan produktiviti.
 - B memaksa pekerja bekerja lebih masa walaupun pada kadar gaji yang rendah.
 - C usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan prosedur-prosedur pentadbiran.
 - D majikan tidak perlu menilai pekerja kerana pekerja dijangka akan mahir selepas suatu masa bekerja.

- S6 Pendekatan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dalam pendidikan adalah untuk
- A berfungsi sebagai nukleus kawalan kualiti seluruh organisasi pendidikan.
 - B mewujudkan institusi pendidikan yang efisien atau efektif bagi mencapai piawaian yang ditetapkan.
 - C meningkatkan kualiti perhubungan antara pihak atasan dengan bawahan di dalam sesebuah organisasi pendidikan.
 - D mencetus kesedaran kepentingan pengurusan berkualiti ke arah mencapai kesempurnaan organisasi pendidikan negara.
- S7 Salah satu konsep pengurusan strategik dalam konteks pendidikan ialah satu ketua di mana
- A ketua merupakan satu pusat penyelarasan untuk semua aktiviti pentadbiran.
 - B ketua hendaklah mempunyai satu bidang kawalan yang terdiri daripada beberapa orang kakitangan yang dia mampu mentadbirnya secara langsung.
 - C ketua bertanggungjawab menjelaskan kepada kakitangan jika terdapat sebarang kelemahan dan kesilapan semasa menjalankan tugas dan ini dikenali sebagai 'akauntabiliti'.
 - D ketua hendaklah menentukan matlamat sekolah dengan jelas supaya kakitangan mempunyai matlamat bersama tanpa ada sebarang percanggahan selaras dengan matlamat pendidikan.
- S8 Elemen yang terpenting dalam Pengurusan Melalui Objektif (PMO) ialah
- A semua individu di dalam organisasi diberi objektif yang mereka perlu capai dalam masa menjalankan tugas mereka.
 - B pengurusan yang berdasarkan kepada objektif yang telah dibentuk di atas persetujuan semua pihak dalam sesebuah organisasi.
 - C memerlukan penyertaan dan kerjasama setiap individu daripada berbagai-bagai peringkat di dalam sesebuah organisasi dalam mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan.
 - D membolehkan proses kajian semula prestasi, maklum balas hasil prestasi, kurang berisiko dan tidak memberikan beban kepada pengetua, tanggungjawab pengetua dapat diringankan.

- S9 Tokoh ini telah melakukan rombakan besar terhadap dasar kilang iaitu
- kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun tidak dibenarkan bekerja sebaliknya dihantar ke sekolah.
 - had masa bekerja untuk satu hari adalah 10 $\frac{3}{4}$ jam.
 - hukuman terhadap pekerja adalah dilarang.
 - menekankan perihal kemanusiaan dan kebajikan pekerja.
- A Henry Gantt
B Robert Owen
C Charles Babbage
D Harrington Emerson
- S10 Manakah antara berikut yang menunjukkan dengan tepat prinsip asas untuk kepastian piawai kualiti ISO 9000?
- A Penilaian dan bukan pembedahan setelah berlaku kesilapan.
B Penggunaan dan bukan penilaian setelah berlaku kesilapan.
C Pembedahan dan bukan pencegahan setelah berlaku kesilapan.
D Pencegahan dan bukan pembedahan setelah berlaku kesilapan.
- S11 Berikut merupakan ciri-ciri yang berkaitan dengan konsep birokrasi kecuali
- A Ada hierarki kuasa.
B Sistem kenaikan pangkat.
C Tidak terikat dengan keputusan struktur.
D Tidak dipengaruhi perasaan atau peribadi pihak pegawai.

Merujuk kepada pernyataan di bawah


Setiap kakitangan mengetahui tentang penentuan tugas dan siapa yang bertanggungjawab ke atasnya semasa menjalankan tugas.

- S12 Situasi tersebut merujuk kepada
- A Dasar personel.
B Bidang kawalan.
C Keselarasan arahan.
D Keselarasan maklumat dan kordinasi.

- S13 Berikut adalah tiga sasaran yang dikenal pasti untuk mencapai integriti dalam perkhidmatan awam kecuali
- A Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika kerja.
 - B Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
 - C Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian khidmat awam dan mengatasi karenah birokrasi.
 - D Meningkatkan mutu produktiviti perkhidmatan dan pengeluaran selaras dengan kehendak perkhidmatan awam.

- S14 Akauntabiliti seorang guru terhadap profesionnya adalah
- A membimbing dan mengajar murid-murid dalam bilik darjah tanpa meminta hadiah atau bayaran.
 - B menjalankan tugas menyebarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun.Negara dengan jelas.
 - C memberi pengajaran dan layanan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa, agama atau kepercayaan.
 - D bersikap adil terhadap setiap pelajar tanpa mengira faktor-faktor jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan atau agama.

S15 Rajah S15 menerangkan tentang



(Rajah S15)

- A konsep ISO 9000.
- B konsep PKM (TQM).
- C konsep Kawalan Mutu (QC).
- D konsep Pengurusan Strategik.

Merujuk kepada pernyataan di bawah,

Kuasa ini diasaskan kepada perasaan kesatuan di antara yang memiliki kuasa dengan yang mengikutinya. Pengikut akan menjadi pemimpin tersebut modelnya apabila tertarik, kagum dan hormat kerana pemimpin berkenaan.

- S16 Kuasa yang dimaksudkan daripada pernyataan di atas ialah
- A kuasa sah.
 - B kuasa rujukan.
 - C kuasa ganjaran.
 - D kuasa paksaan
- S17 Pendekatan ini merumuskan satu prinsip dalam pengurusan iaitu apa sahaja yang dilakukan oleh para pengurus dalam pengurusan sehariannya hendaklah sesuai dengan situasi dan keadaan semasa.
- A Sistem
 - B Kaizen
 - C Kontigensi
 - D Pengendalian
- S18 Gaya kepimpinan ini juga dikenali sebagai gaya penyertaan pemimpin yang menggalakkan kesemua kakitangan melibatkan diri di dalam urusan organisasi. Peluang diberikan kepada setiap ahli organisasi untuk menyuarakan pendapat atau pandangan mereka sebelum sesuatu tindakan diambil.
- A Autokratik
 - B Demokratik
 - C Laissez-Faire
 - D Country-Club
- S19 Pengkhususan, hierarki autoriti, sistem peraturan, dokumen bertulis, kriteria pemilihan dan kenaikan pangkat, pemilikan terpisah, dan kerjaya adalah antara ciri-ciri penting
- A model birokrasi Weber.
 - B model pengurusan Fayol.
 - C model laluan-matlamat House.
 - D model pengurusan Wilfredo Pareto.

S20 _____ merujuk kepada penurunan dan perkongsian kuasa dari pusat ke pinggiran, dari ketaatan kepada iltizam, dari kawalan kepada perkongsian kuasa, dari *technical rationality* kepada *reflective rationality*, dengan tujuan untuk melakukan perubahan cara teratur, bekerja, mengurus, menyelia, berhubung dan bertindak.

- I Kuasa
- II Autoriti
- III *Delegate*
- IV *Empowerment*

- A III sahaja.
- B IV sahaja.
- C I dan II sahaja.
- D I, II, III dan V.

Merujuk kepada pernyataan di bawah

Manusia, secara tabiinya tidak suka kepada kerja dan sedaya upaya cuba mengelakkan diri daripadanya. Mereka tidak bercita-cita tinggi, suka melarikan diri daripada tanggungjawab dan suka diarah.

S21 Teori tersebut adalah

- A Teori V - Vroom.
- B Teori X – Mc Gregor.
- C Teori Y – Mc Gregor.
- D Teori Z - William Ohame.

S22 Antara 14 belas Prinsip Pengurusan Henri Fayol ialah

- I Susunan
- II *Esprit de corps*
- III Kesatuan Perintah
- IV Ganjaran terhadap Majikan

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D I, II, III dan IV.


S23 Prinsip kumpulan kawalan mutu kerja adalah

- I memajukan pekerja.
 - II projek adalah hasil usahasama.
 - III pekerja saling bantu-membantu.
 - IV pekerja sebagai sumber yang paling bernilai.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

S24 Kenyataan manakah di bawah ini benar mengenai sumber pengaruh pemimpin?

- A Kuasa sah, kuasa ganjaran, kuasa pakar dan kuasa rujukan.
- B Kuasa sah, kuasa ganjaran, kuasa paksaan, kuasa pakar dan kuasa rujukan.
- C Kuasa paksaan, kuasa ganjaran, kuasa benar, kuasa pakar dan kuasa rujukan.
- D Kuasa paksaan, kuasa ganjaran, kuasa minta, kuasa pakar dan kuasa rujukan.

S25 Rajah S25 menunjukkan contoh kawalan menegak di sebuah institusi pendidikan di mana sesuatu maklumat yang hendak disampaikan oleh pengarah politeknik perlu melalui beberapa tahap sebelum ia sampai kepada para pelajar.



Pengaruh politeknik biasanya terlibat dalam

- I Menyelesaikan masalah kompleks.
 - II Membuat keputusan-keputusan strategik.
 - III Membuat perancangan jangka panjang.
 - IV Menyelesaikan masalah-masalah yang bersifat rutin.
- A I dan II sahaja.
 - B II dan IV sahaja.
 - C I, II dan III sahaja.
 - D I, II dan IV sahaja.

S26 Perubahan dalam persekitaran tugas akan memberi kesan kepada aktiviti dan prestasi organisasi. Antara faktor-faktor yang tergolong dalam persekitaran ini adalah

- I sumber
 - II pembekal
 - III tindakan kerajaan
 - IV pihak berkuasa dan pihak berkepentingan
- A I dan II sahaja.
 - B I dan IV sahaja.
 - C I, II dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

S27 Di dalam sebuah masyarakat yang membangun guru diharapkan menjadi agen pembaharuan bagi masyarakat. Bagaimanakah guru menjadi agen perubahan?

- I Menjadi pengamal dan penyebar nilai kebudayaan yang elok.
 - II Berusaha menanam sikap, nilai dan ilmu pengetahuan kepada generasi baru.
 - III Pembimbing kepada rakan sekerja, khususnya pemilihan kerjaya dan bidang pengajian.
 - IV Mempunyai sahsiah yang baik, berintegriti dan dapat dihormati serta menjadi role model.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan IV sahaja.
 - C I, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

S28 Teori ini mengatakan bahawa seseorang pemimpin tidak boleh menggunakan satu sahaja gaya memimpin sepanjang masa dan perlu menukar gaya kepimpinan mengikut kesesuaian keadaan. Teori ini juga menumpukan kepada faktor ‘kematangan’ orang-orang yang dipimpin iaitu sanggup dan berani bertanggungjawab ke atas tingkahlaku sendiri. Gaya kepimpinan mengikut teori ini ialah

- I Gaya bujukan.
- II Gaya mengajar.
- III Gaya penugasan.
- IV Gaya penyertaan.

- A I, III dan IV sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S29 Teori Laluan-Matlamat ini lahir dari elemen ‘*Ohio State Leadership Research*’ dan teori motivasi. Ia dipelopori oleh G.Evan dan Robert House. Apakah corak kelakuan kepimpinannya?

- I. Kepimpinan menyokong.
- II. Kepimpinan penyertaan.
- III. Kepimpinan berperantaraan.
- IV. Kepimpinan berorientasikan pencapaian.

- A II dan IV sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S30 Kuasa bermaksud hak pentadbir untuk mengarahkan anggota-anggota menjalankan aktiviti supaya mencapai matlamat organisasi. Terdapat tiga bentuk kuasa. Antaranya adalah:

- I Kuasa mutlak.
- II Kuasa keadaan.
- III Kuasa kedudukan.
- IV Kuasa pengetahuan/peribadi.

- A I, II dan III sahaja.
- B I, II dan IV sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S31 Di dalam pengurusan sekolah, konsep Pengurusan Melalui Objektif (PMO) boleh memberi keberkesanan dalam proses pengurusan, penyeliaan dan penilaian sekiranya pengetua dapat memainkan peranan dengan bersungguh-sungguh dari aspek

- I Pengenalan PMO ke dalam organisasi pentadbiran sekolah.
- II Menjelaskan matlamat sekolah yang hendak dicapai dan matlamat tersebut mungkin luas dan fleksibel.
- III Setiap individu atau pekerja menjelaskan objektif yang hendak dicapai berdasarkan persetujuan pihak atasan.
- IV Matlamat yang diwujudkan secara bersama melalui PMO boleh digunakan sebagai satu standard untuk menilai prestasi dan juga sebagai satu garis panduan untuk pengetua-pengetua yang bakal mengambil alih tugas tersebut.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S32 Kualiti boleh didefinisi dan dimanifestasikan sebagai

- I suatu produk atau perkhidmatan yang tidak mempunyai sebarang kekurangan.
- II kemampuan organisasi untuk memenuhi dan memuaskan kehendak pelanggan, pengguna.
- III satu standard global di mana dunia kini mengarah kepada penggunaan standard kualiti yang sama.
- IV ciri-ciri sesuatu produk atau perkhidmatan yang bergantung kepada keupayaannya memenuhi segala yang dikehendaki.

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan IV sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S33 Pendidikan vokasional mempunyai peranan untuk mengubahsuai sistem pendidikan sekarang dan membina sistem baru bagi menampung keperluan pekerjaan masa hadapan. Segala perubahan yang dilakukan hendaklah dibuat dengan kerjasama pihak industri. Perubahan tersebut perlu fleksibel dalam aspek berikut kecuali

- I Kurikulum.
- II Pengukuran.
- III Cara penyampaian.
- IV. Pengurusan proses pendidikan vokasional.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C I, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S34 Terdapat beberapa cara untuk mewujudkan hubungan di antara industri dan pihak swasta, antaranya ialah menerusi

- I Lembaga Penasihat.
- II Seminar anjuran bersama.
- III Pembangunan bahan pengajaran.
- IV Pembangunan dan pelaksanaan kurikulum.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S35 Fungsi agensi kerajaan dalam penyelidikan pendidikan harus meliputi

- I Memberi modal yang banyak untuk penyelidikan pendidikan.
- II Menstimulasi idea untuk kajian dan pembangunan satu projek kajian.
- III Mengenalpasti masalah utama dan isu-isu yang berkaitan dengan keperluan kajian.
- IV Membantu menyediakan keadaan yang sesuai untuk pelaksanaan kajian dan penggunaan dapatan kajian.

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

- S36 Pendidikan vokasional perlulah dapat merapatkan jurang antara kurikulum dengan alam pekerjaan. Terdapat beberapa bidang yang perlu diambil berat oleh pendidikan vokasional masa kini iaitu
- I Modenisasi.
 - II Pasaran dan Industri.
 - III Sains dan Teknologi.
 - IV Teknologi Maklumat.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
- S37 SERVQUAL merujuk kepada analisis tentang prestasi kualiti perkhidmatan sebuah organisasi terhadap perkhidmatan keperluan pelanggan, antara dimensi utamanya ialah
- I nyata.
 - II kebolehpercayaan (Reliability).
 - III tanggungjawab (Responsiveness).
 - IV jaminan (Assurance).
 - V perspektif kewangan.
- A I, II dan III sahaja.
 - B I, II, III dan IV sahaja.
 - C II, III, IV dan V sahaja.
 - D I, II, III, IV dan V.
- S38 Kesan kepemimpinan dan pembelajaran sepanjang hayat terhadap pengurusan perubahan pada ke 21 ialah
- I Pemansuhan campuran kuasa.
 - II Tabiat pelajar sepanjang hayat.
 - III Keperluan lonjakan masa depan.
 - IV Kemunculan eksekutif prototaip.
- A I dan III sahaja.
 - B I, III dan IV sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- S39 Berdasarkan penilaian anda mengenai kesan organisasi/institusi terhadap pengurusan perubahan pada abad ke-21, maka perkara-perkara yang dijangka berlaku ialah
- I Kesedaran terhadap desakan kemanusiaan dan kewangan.
 - II Orang yang boleh mencipta dan berkomunikasi dengan visi.
 - III *Broad-based empowerment*.
 - IV Pengurusan perwakilan untuk kelebihan prestasi jangka pendek.
- A I dan II sahaja.
B I, II dan III sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- S40 Cabaran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah seperti berikut
- I mengubah sikap dan paradigma masyarakat terhadap PTV.
 - II mewujudkan sumber tenaga manusia yang mahir.
 - III mempertingkatkan kualiti dalam latihan kemahiran bagi mengeluarkan pekerja yang betul-betul mahir.
 - IV meningkatkan kuantiti (menambahkan bilangan institusi teknik dan vokasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja).
- A I dan II sahaja.
B II dan III sahaja.
C I, II dan III sahaja.
D I, II, III dan IV.

BAHAGIAN B

- S1 (a) Beri takrifan kepimpinan. (1 markah)
- (b) Terangkan dua gaya dalam kepimpinan demokratik mengikut Teori Kepimpinan Tradisional. (4 markah)
- (c) Beberapa model kepimpinan yang menerangkan hubungan antara gaya kepimpinan dan situasi spesifik telah dikemukakan. Antaranya termasuk
- I Model Fiedler.
 - II Teori Situasi Hersey-Blanchard.
 - III Teori Matlamat-Laluan.
 - IV Model Penglibatan Pemimpin.
- Huraikan berserta contoh setiap model kepimpinan tersebut. (20 markah)
- S2 (a) Bincangkan peranan PTV dalam pembangunan sumber tenaga manusia. (6 markah)
- (b) Bincangkan tiga cabaran pengurusan dan kepimpinan pada masa hadapan. (9 markah)
- (c) Huraikan tiga isu dan cabaran Pendidikan Teknik dan Vokasional masa kini. (10 markah)
- S3 (a) Huraikan sebab utama yang menghalang berlakunya perubahan. (10 markah)
- (b) Bincangkan lima cara bantahan pekerja yang boleh dikurangkan agar mereka dapat menerima dan melakukan perubahan. (15 markah)